**SAADIAH BINTI DATU DERMA WIJAYA HAJI TAMIT &
MOHAMMAD RAFEE BIN HAJI SHAHIF**

Harta Intelektual: Kajian Awal di Negara Brunei Darussalam

IKHTISAR: *Pada asalnya, tujuan undang-undang Harta Intelektual adalah untuk memberikan perlindungan bagi menggalakkan inovasi. Dalam masyarakat Brunei, rangkai-kata "Harta Intelektual" mungkin suatu yang baru, walaupun epistemologi dan ontologinya sudah lama dikenal oleh bangsa Melayu; dan tambahan pula, dalam masa yang sama, agama Islam memberi pengiktirafan kewujudannya. Harta Intelektual atau IP (Intellectual Property) bermaksud sesuatu yang mengandungi semua barang yang berpunca dari latihan akal manusia dengan daya kreatif, yang boleh menghasilkan penemuan baru yang dihasilkan sebagai bahan cipta. Perubahan minda dan pengaruh global mempengaruhi transformasi perkembangan Harta Intelektual di Negara Brunei Darussalam. Justeru, dalam kertas kerja ini, kami akan membincangkan perkembangan Harta Intelektual di Brunei Darussalam, dan seterusnya mengkaji pengetahuan generasi kini berkenaan pengetahuan, konsep, perundangan, dan kepentingan Harta Intelektual. Perolehan awal kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar generasi kini masih kurang mengetahui dan memahami mengenai konsep, perundangan, dan kepentingan Harta Intelektual di Negara Brunei Darussalam.*
KATA KUNCI: *Harta intelektual, pengiktirafan, latihan akal manusia, daya kreatif, penemuan baru, bahan cipta, dan generasi belia di Brunei Darussalam.*

ABSTRACT: *"Intellectual Property: A Preliminary Study in Brunei Darussalam". Originally, the purpose of Intellectual Property law is to provide protection for promoting the innovations. In Brunei society, the phrase of "Intellectual Property" (IP) is perhaps something new, although its epistemology and the ontology have long been known among Malays; and furthermore, its existence is recognized by Islam. Intellectual Property can be defined as something that encompasses all things that result from the efforts of human reason through creativity that generate new findings and ideas that are then copyrighted. A change of mindset and global influences is affecting and transforming the development of Intellectual Property development in the country of Brunei Darussalam. Thus, in this paper, we will discuss the development of the Intellectual Property in Brunei Darussalam, and further examine the current generation's awareness and understanding regarding knowledge, the concept, and legalities of Intellectual Property. Initial results of the study indicate that a large part of the current generation still have little knowledge and understanding of the concept, legal issues, and the general importance of Intellectual Property in Brunei Darussalam.*
KEY WORD: *Intellectual property, recognition, training human intellect, creativity, new inventions, copyrighted material, and youth generation in Brunei Darussalam.*

PENDAHULUAN

Barat dikatakan sudah menggunakan terma "Harta Intelektual" atau IP (*Intellectual Property*) secara moden, paling kurang mulai pada tahun 1867 M (Masehi). Perkara ini dapat dilihat pada Penubuhan Konfederasi German Utara, yang secara jelas dalam perlembagaannya telah memberikan kuasa legislatif kepada konfederasi

About the authors: **Datin Dr. Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit** dan **Haji Mohammad Rafee bin Haji Shahif** ialah Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Brunei UBD (Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tunku Link, Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, alamat emel yang boleh dihubungi secara terus adalah di: saadiah.tamit@ubd.edu.bn

How to cite this article? Haji Tamit, Saadiah binti Datu Derma Wijaya & Mohammad Rafee bin Haji Shahif. (2015). "Harta Intelektual: Kajian Awal di Negara Brunei Darussalam" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.3(1), Maret, pp.85-98. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808. Available online also at: http://susurgalur-jksps.com/harta-intelektual/

Chronicle of the article: Accepted (January 5, 2015); Revised (February 15, 2015); and Published (March 24, 2015).

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan

tersebut terhadap perlindungan Hak-hak Intelektual. Perkembangan Hak Intelektual semakin pesat sehingga pada tahun 1967, dengan tertegaknya Pertubuhan Harta Intelektual Sedunia atau WIPO (*World Intellectual Property Organization*), sebagai sebuah agensi PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) atau UN (*United Nations*).

Manakala dalam pandangan Islam, bersabit terma Harta Intelektual, merujuk kepada firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dalam Al-Qur'an, surah Al-Furqan (25), ayat 59, yang bermaksud:

> Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, dalam enam masa, kemudian Ia bersemayam di atas Arasy, ialah Ar-Rahman (Tuhan Yang Maha Pemurah); maka bertanyalah akan hal itu kepada yang mengetahuinya (Kementerian HEU, 2014).

Penggunaan Harta Intelektual secara popular hanya bermula setelah adanya Akta *Bayh-Dole* pada tahun 1980. Pada asalnya, tujuan undang-undang Harta Intelektual adalah untuk memberikan perlindungan untuk menggalakkan inovasi (Jumhana & Djubaedillah, 1997).

Dalam masyarakat Brunei, rangkaikata dan terma "Harta Intelektual" mungkin suatu yang agak baru, walaupun pada epistemologinya, ia suatu yang lama dan telah diberi pengiktirafan oleh agama Islam dan bangsa Melayu. Harta Intetekltual atau IP (*Intellectual Property*) pada asasnya bermaksud sesuatu yang mengandungi semua barang, yang berpunca daripada latihan akal manusia dengan daya kreatif yang boleh menghasilkan penemuan yang baru dihasilkan sebagai bahan cipta.

Perubahan minda dan pengaruh global mempengaruhi transformasi perkembangan Harta Intelektual di negara ini. Walau bagaimanapun, apa yang membimbangkan kebanyakan masyarakat, khususnya para pelajar di institusi-institusi pendidikan tinggi Brunei, masih kurang mengetahui dan memahami maksud Harta Intelektual. Justeru, dalam kertas kerja yang ringkas ini akan membincangkan pengetahuan dan kefahaman para pelajar pelajar di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Brunei Darussalam berkenaan Harta Intelektual.

DEFINISI DAN KONSEP HARTA INTELEKTUAL

Menurut *Kamus Dewan* (1970), "harta" bermaksud barang-barang yang berharga (seperti rumah, tanah, barang-barang kemas, dan sebagainya), yang dipunyai oleh seseorang, syarikat, pertubuhan, dan lain-lain (DBP, 1970:442). Harta terbahagi kepada dua ketegori, iaitu harta alih dan harta tak alih. Harta tak alih ialah harta yang kekal dan jika dipindah atau diubah akan membawa kebinasaan, kerosakan, dan kemusnahan, seperti tanah, bangunan, dan sebagainya. Harta alih ialah harta yang boleh dipindah dan diubah, seperti wang, kenderaan, dan lain-lain.

"Intelek" pula bermaksud kemampuan (daya) berfikir dalam memahami, menganalisis, dan sebagainya. Intelektual bermaksud orang (kaum, golongan) terpelajar, cerdik pandai, dan cendekiawan. Ia bermaksud juga sebagai orang yang mempunyai kemampuan tinggi untuk berfikir atau menggunakan akal budi (DBP, 1970:495).

"Harta Intelektual", menurut bahasa, bermaksud semua barang yang berpunca daripada latihan akal manusia, seperti idea, ciptaan, puisi, dan lain-lain. Sementara menurut istilah undang-undang, Harta Intelektual bermaksud sesuatu yang boleh dituntut ke atas produk keintelektualan manusia, seperti hak cipta penerbitan buku, rakaman, dan lain-lain (Phillips, 1990:3-4).

Menurut Khadijah Mohamed & Ahmad Shamsul Abd Aziz (2005), ilmu atau pengetahuan yang boleh

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***

ditukar menjadi sesuatu yang bernilai dikenali sebagai Harta Intelektual, yang tergolong sebagai harta tak tara atau *intangible* (Mohamed & Abd Aziz, 2005:1). Manakala Harta Intelektual, menurut undang-undang ciptaan, mempunyai empat elemen penting, iaitu: (1) Sekumpulan hak yang diberi oleh undang-undang, seperti hak cipta, tanda niaga, paten, reka bentuk perindustrian, dan sebagainya; (2) Hak tersebut disabitkan pada maklumat atau idea yang digambarkan dalam barang ciptaan dan bukan pada barang ciptaan tersebut; (3) Maklumat atau idea itu mestilah telah dizahirkan dalam barang ciptaan; dan (4) Ia bertujuan untuk melindungi hasil usaha pencipta, terutamanya dalam bidang ekonomi (dalam Salleh Rosman, 2002:4).

Menurut Arieff Salleh Rosman (2002), pengertian Harta Intelektual menurut undang-undang Islam adalah sama dengan pengertian undang-undang ciptaan, iaitu Harta Intelektual dirujuk kepada sekumpulan hak yang diberikan untuk mengawal barang-barang tak ketara, sama ada ia adalah hak cipta, cap dagangan, paten, atau reka bentuk perindustrian (Salleh Rosman, 2002:6).

Dari definisi di atas dapat disimpulkan bahawa Harta Intelektual itu ialah harta yang diperolehi dari latihan akal fikiran oleh orang yang terpelajar, cerdik pandai, dan mempunyai kemampuan berfikir. Produknya mempunyai nilai yang boleh dituntut melalui proses undang-undang.

Di Negara Brunei Darussalam, Undang-Undang Harta Intelektual terletak di bawah bidang kuasa Pendaftar Peguam Negara, khususnya Pendaftar Tanda Niaga (*Trademark*), Pendaftar Reka Bentuk Industri (*Industrial Designs*), dan Pendaftar Patents (*Patents*). Bidangkuasa-bidangkuasa tersebut adalah di bawah peruntukan-peruntukan Akta Tanda Niaga – Bab 98 (*Trade Marks Act – Cap 98*); Perintah Reka Bentuk Industri, 2000 – s 7/00 (*Industrial Designs Order, 2000 – s 7/00*); dan Akta Ciptaan – Bab 72 (*Invenntions Act – Cap 72*).

Hak-hak Harta Intelek mengandungi dua bentuk, iaitu hak-hak utama/ asas (*primary rights*) dan hak-hak *sui generis* (*sui generis rights*). Harta Intelektual yang di bawah bahagian hak-hak asas ialah: Hak-hak Cipta (*Copyright* – ©); Reka Bentuk (*Patent*); Tanda Dagang (*Trademark – [T]*); Hak-hak Pengarang (*Authours' Rights*); Hak-hak Perkara Berkaitan (*Related Rights*); Hak-hak Moral (*Moral Rights*); dan Modal Utiliti (*Utility model*).

Manakala hak-hak *sui generis* (*sui generis rights*) ialah Hak-hak Pangkalan Data (*Database Rights*); Hak-hak Pelbagai Jenis Harta Intelek (*Indigenous Intellectual Property*); Hak-hak Reka Bentuk/Cipta Perindustrian (*Industrial Design Right*); *Mask Work*; Hak-hak Ahli Pembiak Baka Tumbuhan (*Plant Breeder's Rights*); dan Sijil Perlindungan Tambahan (*Supplementary Protection Certificate*). Dalam kajian singkat ini, dihuraikan secara ringkas hak-hak utama Harta Intelektual yang biasa "digunapakai secara harian".

Hak-hak Paten (*Patents Rights*) bermaksud undang-undang yang memberikan pencipta hak untuk menghalang pihak lain dari membuat, menggunakan, menjual, menawarkan untuk menjual, dan mengimport sebarang ciptaan untuk jangka masa yang tertentu, sebagai pertukaran pendedahan terhadap ciptaan tersebut.

Hak-hak Cipta (*Copyright* – ©) bermaksud undang-undang yang memberikan hak-hak cipta kepada karya-karya asal hak eksklusif terhadap karyanya. Biasanya untuk jangka masa tertentu, hak-hak cipta boleh merangkumi hasil karya kreatif, intelektual, atau bentuk-bentuk kesenian, atau "hasil kerja". Hak Cipta tidak termasuk idea dan informasi/ maklumat.

Hak-hak Reka Bentuk/Cipta Industri (*Industrial Design Right*) bermaksud

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808** and website: **www.susurgalur-jksps.com

undang-undang yang memberikan hak-hak pencipta-pencipta terhadap hasil rekacipta industri mereka, termasuklah antara lain melindungi desain-desain visual yang terdiri dari ciptaan rekabentuk, *configuration,* atau kumpulan/cantuman *pattern* atau warna, atau kombinasi dari *pattern* dan warna dalam bentuk tiga dimensi dengan nilai *aesthetic*.

Hak-hak Tanda Dagang (*Trademark Rights*) bermaksud undang-undang yang memberikan pihak yang punya tanda dagang hak-hak, seperti tanda niaga, desain atau *expresi* yang dikenal dan dapat membezakannya dari yang produk, atau perkhidmatan-perkhidmatan lain.

ISLAM DAN HARTA INTELEKTUAL

Harta Intelektual masih menjadi persoalan, adakah ia dianggap sebagai harta atau pun bukan, kerana pada umumnya harta intelek bukan benda yang boleh dilihat dan disentuh, tetapi lebih merupakan faedah yang diperolehi hasil daripada pemikiran intelek dan kepakaran seorang individu. Jumhur ulama berpendapat bahawa Harta Intelektual boleh dianggap sebagai harta dan ianya boleh dijual-beli, boleh dipindah milik, dan sebagainya, kerana harta dicipta oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) bagi faedah manusia, demikian juga dengan Harta Intelektual (http://skypin.tripod.com/agama/aga96.html, 15/1/2015).

Oleh kerana itu, sebahagian ulama mengharuskan jual-beli Harta Intelek dan hasil kepakaran, seperti hasil ciptaan buku, tanda perdagangan, program computer, cakera padat video (VCD), dan lain-lain. Hak pengarang buku dan lain-lain tidak boleh dicerobohi, setelah dilindungi oleh undang-undang dan akta-akta tertentu (Suprihatin, 2005).

Al-Qur'an mempunyai pandangannya tersendiri terhadap amanah Allah SWT, yang menerangkan dengan jelas melalui nas-nasnya sebagai peringatan dan pedoman demi untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Sebagai contoh, harta, menurut Islam, merujuk kepada nas-nas Al-Qur'an, yang menggariskan dasar-dasar tentang harta bahawa pemilik mutlak dan hakiki seluruh harta di alam semesta ini – dalam apa jua bentuk, jenis, serta isi kandungannya – adalah ciptaan dan milik Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Al-Anaam (6), ayat 102, yang bermaksud:

> Yang demikian (sifat-sifat-Nya dan kekuasaan-Nya) ialah Allah, Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu [...] (Kementerian HEU, 2014).

Firman Allah SWT lagi dalam surah Al-Jathiyah (45), ayat 13, yang tafsirnya:

> Dan ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripada-Nya (Kementerian HEU, 2014).

Penguasaan ke atas harta adalah lebih kepada tanggungjawab dan bukannya hak milik mutlak, iaitu tanggungjawab mengurus dan memanfaatkan untuk diri sendiri, masyarakat, dan agama, seperti yang telah diamanahkan demi untuk mendapatkan keredhaan Allah. Firman Allah SWT dalam surah Al-Hadid (57), ayat 7, yang tafsirnya:

> Berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan nafkahkanlah sebahagian daripada hartamu yang Allah telah jadikan kamu menguasainya, maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan manafkahkan (sebahagian) daripada hartanya, (nescaya) ia memperoleh pahala yang besar (Kementerian HEU, 2014).

Justeru, dalam menjaga Harta Intelektual adalah wajib menjaga amanah ilmu, kaedah pemindahan dan periwayatan Hadist, dan lain-lain, khususnya peruntukkan-peruntukkan yang terdapat dalam undang-undang

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***

Harta Intelektual. Pengkajian tentang Harta Intelektual dalam undang-undang ciptaan telah lama dilakukan pada 20 Mac 1883. Pada akhir abad ke-20, telah muncul teknologi maklumat dan komunikasi. Tambahan pula dengan isu globalisasi dan *k-economy* (ekonomi yang berdasarkan pengetahuan), maka aktiviti tentang Harta Intelektual semakin rancak dilakukan (Salleh Rosman, 2002:xxvi).

Pandangan manusia terhadap harta, dari perspektif Islam, boleh dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu:

Pertama, **manusia yang memandang harta sebagai sesuatu yang tercela**. Mereka menghimpun semua ayat Al-Qur'an dan Hadist yang mencela harta; sebaliknya, mereka mengabaikan ayat Al-Qur'an dan Hadist yang memuji harta. Hasilnya, mereka menganggap bahawa umat Islam perlu menjauhkan diri daripada apa jua yang memiliki kaitan dengan harta.

Kedua, **manusia yang memandang harta sebagai tujuan hidup**. Mereka mengabaikan semua hukum halal dan haram berkenaan harta. Bagi mereka, Islam hanyalah agama. Wudhu, sembahyang, dan berpuasa tiada kaitan dengan harta.

Ketiga, **manusia yang berada dipertengahan antara kumpulan pertama dan kedua.** Mereka memandang bahawa harta sebagai milik Allah, manakala manusia hanyalah pengurusnya, dan manusia hendaklah mengurusnya mengikut undang-undang Allah (Firdaus Abdullah, 2008:16).

Harta intelek merupakan amanah Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) untuk dimanafaatkan sepenuhnya oleh manusia. Manusia adalah sebagai khalifah Allah yang berperanan sebagai pentadbir, pengelola, dan pengusaha harta di atas bumi. Nabi Muhammad SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) pernah mengahwinkan seorang lelaki dengan ber-maskahwin-kan Al-Qur'an.

Menurut Ibn Hajar, lelaki atau suami itu nanti dikehendaki mengajar Al-Qur'an kepada isterinya, sebagai ganti bayaran mas kahwin. Ini bermakna bahawa Al-Qur'an itu tidak dijadikan mas kahwin, tetapi faedah atau ilmu tentang Al-Qur'an itu yang dikira harta, dan sekali gus sebagai mas kahwin. Atas dasar ini, Harta Intelek mempunyai asas yang kukuh untuk dilindungi atas sifatnya sebagai harta, sama ada kepunyaan individu, syarikat, atau lain-lain (*cf* Karim Zaidan, n.y.; dan Arifin Badri, 2010).

PERKEMBANGAN HARTA INTELEKTUAL DI BRUNEI DARUSSALAM

Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) telah menciptakan manusia dengan unsur-unsur fizikal, mental, dan spiritual. Dalam perkembangan kehidupan manusia, manusia telah mengalami keperluan peralatan untuk membantu mempermudah kehidupannya. Produk (peralatan-peralatan) tersebut adalah hasil ciptaan pemikiran manusia, ilmu yang dipelajari dari alam, dan berkembang menjadi lebih kreatif dan inovatif.

Konsep "alam berkembang menjadi guru", yang bermula dari ciptaan produk (barangan) yang asas dan mudah, seterusnya berkembang kepada ciptaan produk (barangan dan perkhidmatan) yang canggih serta berteknologi tinggi. Hakikat ciptaan produk (barangan dan perkhidmatan) adalah untuk lebih memudahkan manusia hidup di dunia ini agar kehidupan manusia lebih selesa.

Hubungan Masyarakat Brunei dan Harta Intelektual. Rangkai-kata dan terma "Harta Inteklektual" adalah ciptaan manusia. Dengan kata lain, sebarang perubahan terhadap manusia sudah pasti akan mempengaruhi ciptaannya, yang dalam konteks kertas kerja ini iaitu Harta Intelektual. Pencipta Harta Intelektual iaitu manusia, yang tidak terlepas dari dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luarannya.

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***

Yang dimaksudkan dengan "faktor dalaman" ialah merujuk kepada dalaman diri manusia itu sendiri. Dalam diri manusia itu terdapat unsur nafsu atau kehendak. Manusia berkehendak kepada kekuasaan, pemilikan harta benda (fizikal dan selain fizikal) kepunyaannya (hak milik), kuasa mencegah dari digunapakai oleh orang lain (hak penggunaan), serta kuasa menjaga keaslian harta, iaitu mencegah daripada ditiru (hak cipta).

Ringkasnya, manusia berkehendak kepada segala macam kuasa terhadap "harta benda"-nya, yang akhirnya membawa kepada perkembangan terkini, iaitu kehendak kepada hak Harta Intelektual. Apa yang dikhawatirkan ialah nafsu "ini Harta Intelektual ku" akan membawa kepada "kedekut ilmu".

Bagi masyarakat Brunei, yang masih berpegang kepada ajaran agama Islam, mereka semacam diletakkan di persimpangan antara tiga keadaan, iaitu: (1) Apakah mereka akan memilih habuan dalam bentuk material, seperti kewangan?; atau (2) Memilih habuan dalam bentuk spiritual, seperti pahala?; atau (3) Memilih jalan yang menyatukan habuan material dan spiritual, seperti dapat wang dan pahala?

Masyarakat kita telah sedia mengetahui dan memahami konsep *waqaf*, sedekah, dan amal jariah. Semua ini sangat-sangat mempengaruhi pola fikir seterusnya dan tindakan masyarakat Brunei tentang Harta Intelek.

Faktor luaran juga turut mempengaruhi perkembangan Harta Intelektual dalam masyarakat Brunei, ialah tamadun Brunei itu sendiri. Masyarakat Brunei hampir keseluruhannya adalah digolongkan sebagai masyarakat pengguna. Masyarakat Brunei sangat bergantung kepada barangan import, bermula dari makanan asasi, iaitu beras wangi dari Thailand, sehinggalah keretanya dari Jepun, dan negara pengeluar kereta lainnya.

Sudah menjadi lumrah alam, bagi masyarakat pengeluar akan seboleh-bolehnya memaksimalkan keuntungan dengan pelbagai cara, selagi halal di sisi "undang-undang" dari produk keluaran mereka. Manakala bagi masyarakat pengguna, seperti masyarakat Brunei, akan seboleh-bolehnya mendapatkan sesuatu produk dengan harga seminimal mungkin, kalau boleh secara percuma.

Perkembangan Harta Intelek dalam Bentuk Ilmu Pengetahuan. Perkatan "ilmu" bagi masyarakat Brunei kini mengandungi makna disiplin atau cabang-cabang pengetahuan yang biasa diperolehi di institusi pendidikan formal, iaitu ilmu agama khusus dan ilmu agama secara umum. Manakala "ilmu" bagi masyarakat Brunei tradisi mengandungi makna disiplin atau cabang-cabang pengetahuan yang mengandungi "kesaktian" atau kuasa luar biasa, iaitu seperti ilmu *pugai*, ilmu kebal, dan seumpamanya. Kedua-dua bidang ilmu tersebut mempunyai konsep Harta Intelektual secara tersendiri.

Dalam agama Islam, penyebaran ilmu agama adalah suatu yang dituntut, lebih-lebih lagi ilmu fardu *a'in*. Dalam masyarakat Brunei, guru (siapa sahaja) yang mengajarkannya adalah dikira sebagai amal jariah. Biasanya subjek pelajaran agama sama juga seperti subjek-subjek pelajaran yang lain, iaitu menggunakan kitab (buku teks) seperti *Matlaulbadrin, Sabilul Muhtadien, Tanbihul Ghafilien,* dan sebagainya. Bukanlah suatu yang ganjil jika terdapat sebahagian kitab-kitab agama tidak menyatakan siapa pengarangnya. Begitu juga dari sudut institusinya, agama itu diajar di balai dan diajar oleh mereka secara sukarela dan tidak diberi gaji (amal jariah), manakala sekarang pendidikan itu dilakukan di sekolah, yang mana guru diberi gaji. Oleh kerana itu, nilai Harta Intelektual dipandang tinggi

Dari sudut pentadbiran pula, Negara Brunei Darussalam adalah sebagai

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***

Jadual 1:
Gender

Jantina	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tidak Menjawab	5	1.7
Perempuan	**207**	**71.4**
Lelaki	78	26.9
Jumlah	**290**	**100.0**

sebuah negara beraja. Dengan kata lain, segalanya adalah dikaitkan dengan raja. Perkara ini jelas dengan wujudnya dua konsep, iaitu titah perintah dan titah perkenan. Titah perintah adalah hasil dari buah fikiran tulin Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan; manakala titah perkenan adalah hasil daripada buah fikiran yang disembahkan kehadapan Majlis Kebawah Duli. Bahawasanya Harta Intelektual dari sudut pentadbiran itu diserahkan sepenuh kepada raja, yang mana ia membuktikan ketaatan rakyat kepada raja.

Dari sudut perubatan, masyarakat Melayu sudah mempunyai konsep Harta Intelektual. Contoh yang jelas apabila ia menjampi atau *menawari* akan disyaratkan kepada pesakit untuk memberi *pikaras* (pengeras). Pengeras itu dalam bentuk *balan* (barang logam-besi-jarum-pemerang, dan sebagainya), *belahan* (kaca-cermin), benang-kain, dan sebagainya. Perkara ini membuktikan adanya penghargaan terhadap Harta Intelektual dalam masyarakat Melayu.

Manakala dari segi ilmu pertanian, khususnya kepakaran ilmu berpadi-bersawah, sangat sinonim dengan ilmu *piama* (ilmu astronomi). Orang tua-tua yang memiliki kepakaran ini sangat dihormati dan diberi kedudukan istimewa dalam masyarakat sebagai menghormati Harta Intelektual yang dimilikinya. Begitu juga dalam industri tradisi, seperti kain tenun, dimana ilmu kepakaran menenun kain, dulunya Harta Intelektual dimiliki oleh keluarga secara terus. Segala ilmu pengetahuan tentang menenun kain ini dirahsiakan kepada orang luar, selain dari ahli keluarga. Ini menunjukkan bahawa mereka menghargai dan menjagai hak Harta Intelektual yang mereka miliki.

HASIL KAJIAN BERKENAAN HARTA INTELEKTUAL

Untuk mengetahui perkembangan Harta Intelektual dalam konteks Brunei, penulis telah melakukan satu kajian; dan tinjauan awal telah pengkaji lakukan pada bulan Januari 2011 terhadap salah sebuah IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam. Sebanyak 400 borang soal selidik telah diedarkan dan hanya 2 90 borang yang dikembalikan. Berikut dihuraikan hasil dapatan dan kajian tinjauan tersebut.

Pertama, **Latar Belakang Responden.** Latar belakang responden ini dibagahi kepada: gender, bangsa, agama, tahun kelahiran (umur), dan tahun pengajian (semester). Masing-masing bahagian tersebut dianalisis sebagai berikut:

Mengenai Gender. Responden terdiri daripada 78 (26.9%) orang lelaki, 207 (71.4%) responden perempuan, dan tidak membuat pilihan sebanyak lima (1.7%) responden. Untuk lebih jelas, sila rujuk jadual 1.

Dapatan kajian sangat dipengaruhi oleh responden perempuan. Perkara ini dari segi gender adalah normal, kerana pada umumnya keramaian pelajar perempuan dan lelaki di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam adalah pada nisbah 3 : 1.

Mengenai Bangsa. Merujuk kepada latar belakang bangsa responden ialah terdiri daripada Melayu, Cina,

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 and website: www.susurgalur-jksps.com

Jadual 2:
Bangsa

Bangsa	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tindak Menjawab	2	0.7
Melayu	**261**	**90.0**
Cina	14	4.8
India	2	0.7
Lain-lain	11	3.8
Jumlah	**290**	**100**

Jadual 3:
Agama

Agama	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Islam	**257**	**88.6**
Kristian	7	2.4
Buddha	6	2.1
Tidak Beragama	20	6.9
Jumlah	**290**	**100.0**

India, dan lain-lain. Sebanyak 261 (90%) responden terdiri daripada bangsa Melayu. Manakala bangsa Cina sebanyak 14 (4.8%) responden. Diikuti dengan bangsa India sebanyak 2 (0.7%) responden. Terakhir ialah terdiri daripada bangsa-bangsa lain, iaitu seramai 11 (3.8%) responden. Sementara 2 (0.7%) responden tidak membuat pilihan. Sila rujuk jadual 2.

Dapatan dari kajian ini sangat dipengaruhi oleh bangsa Melayu. Perkara ini sangat selaras dengan keadaan sebenar di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam, yang majoriti penuntutnya adalah berbangsa Melayu.

Mengenai Agama. Manakala merujuk agama responden, majoriti berugama Islam, dan sebahagiannya beragama Kristian, Buddha, dan tidak beragama (*free thinker*). Seramai 257 (88.6%) responden beragama Islam. Manakala agama Kristian sebanyak 7 (2.4%) responden. Sebanyak 6 (2.1%) responden beragama Budhha; dan terakhir, iaitu sebanyak 20 (6.9%) responden, tidak beragama. Sila rujuk jadual 3.

Dapatan kajian ini sangat dipengaruhi oleh responden beragama Islam. Perkara ini juga adalah satu perkara biasa, kerana majoriti pelajar di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam adalah beragama Islam.

Mengenai Tahun Kelahiran (Umur). Dari segi tarikh lahir, responden majoriti lahir dalam lingkungan akhir tahun 1980-an (berumur awal 30-an) dan awal tahun 1990-an (berumur akhir 20-an). Seramai 77 (26.6%) responden lahir pada tahun 1990 (berumur 21 tahun). Kemudian dikuti pada tahun 1991 (berumur 20 tahun) seramai 55 (19%) rersponden. Dengan kata lain, kajian ini sangat dipengaruhi oleh pelajar yang berumur lingkungan ± 19 hingga ± 24 tahun, iaitu seramai 83.1% dari responden. Sila rujuk jadual 4.

Dapatan kajian sangat dipengaruhi (83.1%) oleh responden yang berumur dalam lingkungan ± 19 tahun hingga ± 24 tahun. Perkara ini juga normal, kerana mojoriti pelajar-pelajar di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam adalah dalam lingkungan kumpulan umur tersebut.

Mengenai Tahun Pengajian (Semester). Berikut dilihat kepada

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***

Jadual 4:
Tahun Lahir (Umur)

Tahun Lahir	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tidak Menyatakan	5	1.7
1993	1	0.3
1992 (umur ± 19 tahun)	13	4.5
1991 (umur ± 20 tahun)	**55**	**19.0**
1990 (umur ± 21 tahun)	**77**	**26.6**
1989 (umur ± 22tahun)	**41**	**14.1**
1988 (umur ± 23 tahun)	**39**	**13.4**
1987 (umur ± 24 tahun)	16	5.5
1986	6	2.1
1985	3	1.0
1984	2	0.7
1983	2	0.7
1982	3	1.0
1981	3	1.0
1980	5	1.7
1979	3	1.0
1978	4	1.4
1977	1	0.3
1976	3	1.0
1975	1	0.3
1974	1	0.3
1972	5	1.7
1971	1	0.3
Jumlah	**290**	**100.0**

Jadual 5:
Tahun Pengajian (Semester)

Semester	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Semester 2 (Tahun 1)	**218**	**75.2**
Semester 4 (Tahun 2)	37	12.8
Semester 6 (Tahun 3)	35	12.1
Jumlah	**290**	**100.0**

tahun pengajian (semester) responden di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) yang dikaji. Kebanyakkan responden terdiri dari tahun satu, semester dua, iaitu seramai 218 (75.2%) responden. Diikuti responden tahun dua, semester empat, seramai 37 (12.8%) responden. Seterusnya diikuti dengan tahun tiga, semester enam, sebanyak 35 (12.1%) responden. Sila rujuk jadual 5.

Dengan kata lain, hasil penyelidikan ini sangat dipengaruhi oleh pelajar dari tahun satu, semester dua. Perkara ini terjadi disebabkan oleh ramai pelajar tahun dua, tiga, dan empat tidak memgembalikan soal selidik yang telah diedarkan.

Dari sudut gender, bangsa, agama, dan umur persampelan responden dalam penyelidikan tinjauan ini adalah pada umumnya sangat mewakili populasi para pelajar di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam.

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 and website: www.susurgalur-jksps.com

Jadual 6:
Saya Tahu tentang Harta Intelektual

Jawapan Pilihan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	13	4.5
Tidak setuju	8	2.8
Tidak tahu/tidak pasti	248	85.5
Setuju	17	5.9
Sangat Setuju	3	1.0
Tidak membuat pilihan	1	0.3
Jumlah	**290**	**100.0**

Jadual 7:
Penyataan Jenis-jenis Harta Intelektual

Jawapan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tidak menjawab	265	91.4
Jawapan betul	6	2.1
Jawapan salah	19	6.6
Jumlah	**290**	**100.0**

Kedua, **Analisis Perolehan Kajian dan Tinjauan pada Januari 2011.** Analisis ini merangkumi: (1) pengetahuan tentang Harta Intelektual; (2) pernyataan jenis-jenis Harta Intelektual; (3) kefahaman kepentingan Harta Intelektual; (4) pernyataan kepentingan-kepentingan Harta Intelektual; (5) pemahaman mengenai Harta Intelektual mempunyai kebaikan; (6) pernyataan kebaikan-kebaikan Harta Intelektual; (7) kefahaman Harta Intelektual mempunyai keburukan; (8) pernyataan keburukan-keburukan Harta Intelektual; (9) pengetahuan mengenai undang-undang Harta Intelektual di Brunei; dan (10) pernyataan undang-undang Harta Intelektual di Brunei.

Pengetahuan tentang Harta Intelektual. Pada keseluruhannya, 92.8% dari responden tidak mengaku bahawa mereka tahu tentang Harta Intelektual. Bahkan hanya sebanyak 6.9% responden mengaku bahawa mereka tahu tentang Harta Intelektual. Sila rujuk jadual 6.

Jadual 6 membuktikan bahawa pelajar IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam tidak mengetahui berkenaan Harta Intelektual. Perkara ini bukanlah suatu yang di luar jangkaan, kerana pada umumnya para pelajar IPT di Negara Brunei Darussalam hanya fokus pengetahuan mereka kepada kursus, atau module, yang mereka pelajari sahaja; dengan kata lain, pendidikan yang berorientasikan peperiksaan atau *exam oriented*.

Pernyataan Jenis-jenis Harta Intelektual. Jadual 7 menunjukkan bahawa pada keseluruhannya, 91.4% dari responden tidak menyatakan jenis-jenis Harta Intelektual yang mereka tahu. Hanya sebanyak 2.1% responden sahaja yang menjawab dengan tepat jenis-jenis Harta Intelektual, manakala 6.6% responden telah memberikan jawaban yang salah. Sila rujuk jadual 7.

Merujuk jadual 6 dan jadual 7 pada perkara pengetahuan berkenaan Harta Intelektual membuktikan bahawa walaupun 92.8% responden mengaku tidak mengetahui Harta Intelektual, tetapi sebenarnya setelah menyemak jawapan mereka terhadap jenis-jenis Harta Intelektual didapati hanya 2.1% sahaja yang tepat. Dapat dibuat kesimpulan bahawa majoriti (sebanyak 97.9% respoden) pelajar di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam tidak tahu mengenai Harta Intelektual.

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***

Jadual 8:
Saya Faham Kepentingan Harta Intelektual

Jawapan Pilihan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	15	5.2
Tidak setuju	5	1.7
Tidak tahu/ tidak pasti	243	83.8
Setuju	19	6.6
Sangat Setuju	8	2.8
Jumlah	**290**	**100.0**

Jadual 9:
Pernyataan Kepentingan-kepentingan Harta Intelektual

Jawapan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tidak menjawab	274	94.5
Jawapan betul	8	2.8
Jawapan salah	8	2.8
Jumlah	**290**	**100.0**

Kefahaman Kepentingan Harta Intelektual. Jadual 8 mengenai kefahaman tentang kepentingan Harta Intelektual, yang menunjukkan hanya 9.4% responden mengaku bahawa mereka memahami tentang kepentingan Harta Intelektual. Selebihnya, sebanyak 90.6% dari responden, mengakui tidak memahami tentang kepentingan Harta Intelektual.

Jadual 8 juga mengsahkan perolehan dari jadual 6, yang membuktikan bahawa pelajar IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam tidak mengetahui dan juga tidak memahami berkenaan dengan Harta Intelektual, kerana mereka lebih fokus kepada kursus atau module yang dipelajari sahaja di institusi pendidikan formal yang mereka telah ikuti.

Pernyataan Kepentingan-kepentingan Harta Intelektual. Dalam jadual 9 pula, mengenai pernyataan kepentingan-kepentingan Harta Intelektual, seramai 94.5% responden tidak menyenaraikan pernyataan kepentingan-kepentingan Harta Intelektual. Dan hanya 2.8% responden sahaja telah menyenarai pernyataan kepentingan-kepentingan Harta Intelektual dengan tepat. Manakala 2.8% responden telah memberikan jawapan yang salah. Sila rujuk jadual 9.

Merujuk jadual 8 dan jadual 9 pada perkara pemahaman berkenaan Harta Intelektual membuktikan bahawa walaupun hanya 90.6% responden mengaku tidak memahami kepentingan Harta Intelektual, tetapi sebenarnya setelah menyemak jawapan-jawapan mereka terhadap kepentingan-kepentingan Harta Intelektual didapati hanya 2.8% responden sahaja yang memberikan jawapan yang tepat. Kesimpulannya, sebanyak 97.2% respoden tidak tahu memahami kepentingan Harta Intelektual.

Pemahaman Mengenai Harta Intelektual Mempunyai Kebaikan. Mengenai pemahaman Harta Intelektual mempunyai kebaikan menunjukkan bahawa pada keseluruhannya, 84.9% responden tidak mengakui faham tentang Harta Intelektual mempunyai kebaikan; dan hanya seramai 14.8% responden yang mengaku memahami tentang kebaikan Harta Intelektual. Manakala 0.3% responden tidak membuat sebarang pilihan terhadap jawapan-jawapan pilihan yang disediakan. Sila lihat jadual 10.

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***

Jadual 10:
Saya Faham Harta Intelektual Mempunyai Kebaikan

Jawapan Pilihan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	6	2.1
Tidak setuju	2	0.7
Tidak tahu/tidak pasti	238	82.1
Setuju	30	10.3
Sangat Setuju	13	4.5
Tidak membuat pilihan	1	0.3
Jumlah	**290**	**100.0**

Jadual 11:
Pernyataan Kebaikan-kebaikan Harta Intelektual

Jawapan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tidak menjawab	271	93.4
Jawapan betul	7	2.4
Jawapan salah	12	4.1
Jumlah	**290**	**100.0**

Jadual 12:
Saya Faham Harta Intelektual Mempunyai Keburukan

Jawapan Pilihan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	6	2.1
Tidak setuju	13	4.5
Tidak tahu/tidak pasti	257	88.6
Setuju	11	3.8
Sangat setuju	3	1.0
Jumlah	**290**	**100.0**

Pernyataan Kebaikan-kebaikan Harta Intelektual. Merujuk jadual 11 berkenaan dengan jawapan responden mengenai kebaikan-kebaikan Harta Intelektual, sebanyak 93.4% responden memilih tidak menjawap, selebihnya sebanyak 4.1% memberi jawapan salah, dan hanya 2.4% responden yang menjawap dengan tepat. Sila rujuk jadual 11.

Berdasarkan perolehan-perolehan dalam jadual 10 dan jadual 11 pada perkara pemahaman mengenai kebaikan Harta Intelektual dan pernyataan kebaikan-kebaikan Harta Intelektual, sebanyak 97.5% responden tidak memahami kebaikan Harta Intelektual; kerana dari sejak semula (lihat jadual 6), responden sudah menyatakan tidak tahu tentang Harta Intelektual, apa lagi untuk memahaminya.

Kefahaman Harta Intelektual Mempunyai Keburukan. Bersumberkan jadual 12 berkenaan Harta Intelektual mempunyai keburukan, sebanyak 95.2% responden tidak mengaku mereka faham bahawa Harta Intelektual itu mempunyai keburukan. Manakala, hanya 4.8% responden sahaja mengaku bahawa mereka faham tentang keburukan Harta Intelektual.

Pernyataan Keburukan-keburukan Harta Intelektual. Pernyataan mengenai keburukan-keburukan Harta Intelektual dari jadual 13 menunjukkan bahawa sebanyak 96.2% responden tidak memberi sebarang jawapan. Selebihnya, sebanyak 0.7% responden memberikan jawapan yang salah; dan hanya 3.1% responden yang menjawap dengan betul berkenaan keburukan-

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***

Jadual 13:
Pernyataan Keburukan-keburukan Harta Intelektual

Jawapan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tidak menjawap	279	96.2
Jawapan betul	9	3.1
Jawapan salah	2	0.7
Jumlah	**290**	**100.0**

Jadual 14:
Saya Tahu bahawa Terdapat Undang-Undang Berkenaan Harta Intelektual di Brunei

Jawapan Pilihan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	6	2.1
Tidak setuju	9	3.1
Tidak tahu/tidak pasti	254	87.6
Setuju	17	5.9
Sangat setuju	3	1.0
Tidak membuat pilihan	1	0.3
Jumlah	**290**	**100.0**

Jadual 15:
Pernyataan Undang-Undang Harta Intelektual di Brunei

Jawapan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tidak menjawap	279	96.2
Jawapan betul	10	3.4
Jawapan salah	1	0.3
Jumlah	**290**	**100.0**

keburukan Harta Intelektual. Sila rujuk jadual 13.

Berdasarkan perolehan-perolehan dalam jadual 12 dan jadual 13 pada perkara kefahaman tentang Harta Intelektual mempunyai keburukan dan pernyataan keburukan-keburukan Harta Intelektual, pada keseluruhannya hanya 3.1% responden yang betul-betul faham dan mampu menyatakan mengenai keburukan-keburukan Harta Intelektual. Manakala selebihnya, sebanyak 96.9% responden tidak faham dan tidak mampu menyatakan keburukan-keburukan Harta Intelektual.

Bermula dari jadual 10 hingga jadual 13 membuktikan bahawa peratus responden yang memahami tentang keburukan-keburukan Harta Intelektual (3.1%) adalah lebih besar dari peratus responden yang memahami tentang keburukan Harta Intelektual (2.4%).

Pengetahuan Mengenai Undang-Undang Harta Intelektual di Brunei. Pengetahuan mengenai undang-undang Harta Intelektual di Brunei, di kalangan responden, adalah sangat rendah, kerana sebanyak 6.9% sahaja yang mengaku bahawa mereka tahu tentang terdapatnya undang-undang Harta Intelektual di Brunei; sedangkan sebanyak 93.1% mengaku tidak mengetahui perkara tersebut. Sila rujuk jadual 14.

Pernyataan Undang-Undang Harta Intelektual di Brunei. Jadual 15 menunjukkan bahawa sebanyak 3.4% sahaja dari kalangan responden yang mampu menyatakan undang-undang Harta Intelektual di Negara Brunei Darussalam dengan betul. Manakala selebihnya, sebanyak 0.3% responden menjawap dengan salah; dan 96.2% responden tidak memberikan jawapan.

Berdasarkan perolehan-perolehan

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***

dalam jadual 14 dan jadual 15 pada perkara terdapatnya undang-undang berkenaan Harta Intelektual di Brunei dan pernyataan undang-undang Harta Intelektual di Brunei, sangat jelas hanya sedikit para pelajar IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam yang tahu tentang perkara tersebut.

Walaupun sebanyak 6.9% responden tahu terdapatnya undang-undang Harta Intelektual, tetapi hanya 3.4% responden sahaja yang mampu menyatakan undang-undang tersebut. Ini membuktikan bahawa responden 6.9% hanya tahu tentang wujudnya undang-undang tersebut secara umum sahaja, sementara 3.4% responden yang benar-benar tahu dan dapat menyatakan undang-undang tersebut secara tepat.

KESIMPULAN

Masyarakat Brunei sudah mengetahui Harta Intelektual sejak dahulu lagi, secara tidak langsung, dalam konteks ruang lingkup tamadunnya. Walau bagaimanapun, hasil soal selidik sebahagian besar pelajar IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di Negara Brunei Darussalam masih sangat kurang mengetahui dan memahami mengenai Harta Intelektual, khususnya dari segi undang-undang.

Kesedaran berkenaan Harta Intelektual di Brunei adalah sangat rendah, kerana sebahagian besarnya masyarakat Brunei adalah masyarakat pengguna. Justeru itu, perlu ada usaha dari pihak-pihak yang berkenaan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman terhadap Harta Intelektual.[1]

Bibliografi

Arifin Badri, Ustadz Muhammad. (2010). "Hak Kekayaan Intelektual dalam Islam". Tersedia secara online juga di: http://pengusahamuslim.com/hak-kekayaan-intelektual-dalam-islam/#.VVZ8B0Zf-1k [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15hb Januari 2015].

DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka]. (1970). *Kamus Dewan.* Badar Seri Begawan: DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] Brunei Darussalam.

Firdaus Abdullah, Hafiz. (2008). *Fiqh Harta: Suatu Pengenalan.* Johor Darul Takzim, Malaysia: Perniagaan Jahabersa.

http://skypin.tripod.com/agama/aga96.html [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15hb Januari 2015].

Jumhana, Muhammad & R. Djubaedillah. (1997). *Hak Milik Intelektual: Sejarah, Teori, dan Prakteknya di Indonesia.* Bandung: PT Citra Aditya.

Karim Zaidan, Abdul. (n.y.). *Nazarat fi al-Shariah al-Islamiyyah.* Tanpa tempat: Tanpa penerbit.

Kementerian HEU [Hal Ehwal Ugama]. (2014). *Al-Quran: Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya.* Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Kementerian HEU [Hal Ehwal Ugama].

Mohamed, Khadijah & Ahmad Shamsul Abd Aziz. (2005). *Undang-Undang Harta Intelek di Malaysia.* Sintok, Kedah: Penerbit UUM [Universiti Utara Malaysia].

Phillips, J. (1990). *Introduction to Intellectual Property Law.* London: Butterworth.

Salleh Rosman, Arieff. (2002). *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam dan Pendekatan Perbandingan dengan Undang-Undang Malaysia.* Skudai, Johor Darul Ta'zim: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].

Suprihatin, Titin. (2005). "Hak Kepemilikan Kekayaan Intelektual dalam Pandangan Islam" dalam *MIMBAR: Jurnal Sosial dan Pembangunan*, Vol.21(1). Bandung, Indonesia: UNISBA [Universitas Islam Bandung]. Tersedia secara online juga di: http://ejournal.unisba.ac.id/index.php/mimbar/article/view/160 [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15hb Januari 2015].

[1] ***Kenyataan:*** Dengan ini kami membuat kenyataan bahawa artikel yang kami buat ini bukanlah dapatan daripada amalan plagiarism. Kami menyatakan pula bahawa artikel ini belum dihantar, belum dinilai, dan belum diterbit pun pada mana-mana jurnal, sama ada di Negara Brunei Darussalam mahupun di luar negara.

© 2015 by Minda Masagi Press Bandung and UBD Bandar Seri Begawan
ISSN 2302-5808 *and website:* ***www.susurgalur-jksps.com***